



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

140 PREMIS/KILANG TELAH BERJAYA DITUTUP ATAU DITAHAN OPERASI KERANA MELAKUKAN PELBAGAI KESALAHAN DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

25 Februari 2019, Seremban – Sehingga 25 Februari 2019, sebanyak 274 buah premis kitar semula plastik terpakai telah dikesan di seluruh negara, dan daripada jumlah tersebut, 109 buah premis didapati beroperasi secara haram. Sebanyak 140 premis telah berjaya ditutup atau ditahan operasi kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sehingga kini juga, 4 kes mahkamah di Negeri Selangor telah selesai dengan denda keseluruhan berjumlah RM389,000.00 dan 1 kes penjara satu (1) hari.

Bagi Negeri Sembilan, sebanyak 33 buah kilang telah diperiksa dan didapati 10 buah daripadanya adalah kilang haram, manakala 13 buah kilang lagi telah ditutup atau ditahan operasi.

Pencapaian ini dinyatakan oleh YB Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dalam sesi

turun padangnya menyertai operasi penguatkuasaan bersepadu kilang kitar semula plastik sekitar Senawang, Seremban, Negeri Sembilan pada hari ini.

Ekoran daripada isu-isu pencemaran yang berpunca daripada kilang kitar semula plastik terutamanya kilang yang beroperasi secara haram, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu di seluruh negara bagi menangani isu ini. Kilang-kilang kitar semula plastik terutama yang beroperasi secara haram majoritinya diusahakan oleh warganegara China dan tertumpu di Selangor terutama di daerah Kuala Langat dan Klang. Berikutan Operasi bersepadu yang giat dijalankan di Negeri Selangor bermula pada Julai 2018, kebanyakan pengusaha-pengusaha ini berpindah ke beberapa negeri lain termasuk Negeri Sembilan.

Operasi penguatkuasaan bersepadu di Negeri Sembilan pada kali ini melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan yang diketuai oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan bersama-sama dengan Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Sembilan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Turut serta dalam operasi ini ialah YB Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Tuan S. Veerapan A/L Subramaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi & Kepenggunaan Negeri Sembilan dan pegawai-pegawai kanan MESTECC.

Selaras dengan penetapan Minister Performance Index (MPI) untuk meningkatkan penguatkuasaan 100 peratus, JAS menyasarkan untuk menghentikan pengoperasian 100 buah kilang kitar semula plastik terpakai haram atau yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pada suku

pertama tahun 2019. Oleh itu, JAS telah menubuhkan pasukan Taskforce pada peringkat Ibu Pejabat dan peringkat negeri yang akan merancang dan melaksanakan operasi bersepadu di negeri masing-masing.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Alam Sekitar
Tel: 012-3023864

atau

Akmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC
Tel: 012-9075372

Jadual A: Bilangan Kilang Kitar Semula Sisa Plastik Haram Mengikut Negeri

NEGERI	BILANGAN KILANG YANG DIPERIKSA	KILANG HARAM	TUTUP/TAHAN OPERASI
Selangor	114	65	78
Johor	24	3	5
Melaka	2	0	0
Perlis	0	0	0
WPKL	0	0	0
Pahang	2	0	0
Terengganu	1	0	0
Sarawak	1	0	0
Sabah	5	2	2
Labuan	0	0	0
N. Sembilan	33	10	13
Kedah	25	15	15
P. Pinang	35	10	10
Perak	31	3	16
Kelantan	1	1	1
JUMLAH	274	109	140

Jadual B: Status Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Kilang Kitar Semula Sisa Plastik Haram di Negeri Sembilan

Daerah	Bil. Premis	Kertas Siasatan	Kompaun	Tutup/Tahan operasi
Nilai	13	1	1	3
Senawang	14	2	2	8
Kuala Pilah	0	0	0	0
Mantin	1	0	0	1
Port Dickson	2	0	0	0
Tampin	1	0	0	1
Rantau	1	0	0	0
Bahau	1	0	0	0
JUMLAH	33	3	3	13